



جَابِتِن مَفْتِنِ نَكْرِي قَمَع

TEKS

KHUTBAH

FEBRUARI 2025

NEGERI PAHANG



## MENGHINDARI RIYA' DAN UJUB DALAM BERAMAL

14 FEBRUARI 2025 / 15 SYAABAN 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.

### Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala

Khutbah hari ini mengajak sidang jumaat menghindari diri daripada mengamalkan sifat mazmumah yang boleh merosakkan amalan kita, iaitu riya' dan ujub. Riya' adalah perbuatan melakukan sesuatu amalan dengan tujuan untuk dilihat atau dipuji oleh orang lain, manakala ujub adalah perasaan kagum terhadap diri sendiri atas amalan yang dilakukan. Kedua-dua perkara ini adalah penyakit hati. Firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ma'un ayat 4 hingga 6:



## أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾ الَّذِينَ هُمْ يُرَاءُونَ ﴿٦﴾

**Yang bermaksud:** “Maka kecelakaanlah bagi orang yang solat, iaitu mereka yang lalai daripada menyempurnakan solatnya, (Juga bagi) orang yang berbuat riya (dalam ibadahnya)”

Ayat ini menunjukkan betapa bahayanya riya' dalam amalan kita. Riya' bukan sahaja merosakkan pahala amalan tersebut, tetapi ia juga boleh membawa kita kepada kecelakaan di akhirat kelak. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

إِنَّ أَحْوَفَ مَا أَخَافُ عَلَيْكُمْ الشِّرْكَ الْأَصْغَرَ، قَالُوا: وَمَا الشِّرْكَ الْأَصْغَرُ يَا رَسُولَ اللَّهِ؟ قَالَ: الرِّيَاءُ

**Yang bermaksud:** "Sesungguhnya yang paling aku takutkan atas kalian adalah syirik kecil." Para sahabat bertanya: "Apakah syirik kecil itu ya Rasulullah?" Baginda menjawab: "Riya'."

Hadis ini menunjukkan bahawa riya' adalah sejenis syirik kecil yang sangat ditakuti oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Riya' adalah perbuatan yang merosakkan keikhlasan dalam beramal, dan ia boleh membawa kepada dosa besar jika tidak dihindari.



Selain riya', ujub juga merupakan penyakit hati yang merosakkan amalan kita. Ujub adalah perasaan kagum terhadap diri sendiri atas amalan yang dilakukan, sehingga merasa bangga dan sombong. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tabrani;

ثَلَاثٌ مُّهِلِكَاتٌ : شُحُّ مَطَاعٍ، وَهَوَى مُتَّبِعٌ، وَإِعْجَابُ الْمَرْءِ بِنَفْسِهِ

**Yang bermaksud:** *"Tiga perkara yang membinasakan: iaitu kekikiran yang ditaati, hawa nafsu yang diikuti, dan kekaguman seseorang terhadap dirinya sendiri."*

Berdasarkan hadis ini ujub adalah salah satu perkara yang membinasakan. Ujub boleh membawa kepada perasaan sombong dan merendahkan orang lain, sehingga merosakkan hubungan kita dengan Allah dan sesama manusia.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Azza Wa Jalla.**

Terdapat beberapa langkah yang boleh kita ambil untuk menghindari penyakit hati ini:

**Pertama;** Ikhlas dalam beramal iaitu sentiasa memperbaharui niat kita agar setiap amalan yang dilakukan adalah semata-mata kerana Allah Taala. Ingatlah bahawa hanya amalan yang ikhlas akan diterima oleh Allah Taala.

**Kedua;** Muhasabah diri iaitu sentiasa menghisab diri dan merenung niat kita dalam beramal. Adakah kita melakukan amalan tersebut kerana Allah Taala atau kerana ingin dilihat dan dipuji oleh orang lain?



**Ketiga;** Bersederhana dalam beramal. Elakkan daripada menunjukkan amalan kita kepada orang lain. Amalkan sikap tawaduk dan rendah hati dalam setiap tindakan kita.

**Keempat;** Sentiasa berdoa kepada Allah Taala agar diberikan kekuatan untuk menghindari riya' dan ujub. Mohonlah perlindungan daripada Allah Taala agar hati kita sentiasa ikhlas dalam beramal.

**Kelima;** Tidak mengharapkan pujian daripada manusia. Ingatlah bahawa pujian yang sebenar adalah daripada Allah Azza wa jalla dan bukan daripada manusia.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi**

Riya' adalah persoalan hati yang perlu diurus dengan baik supaya amalan kita diterima. Walaupun kita dilarang untuk menunjuk-nunjuk perbuatan baik namun ada kalanya masyarakat perlu diberi contoh oleh pemimpin atau mana-mana individu dalam masyarakat untuk bersedekah, tolong-menolong, memperbanyakkan ibadah, dan tidak boleh terus dihukumkan sebagai riya'. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Baqarah ayat 271,

إِنْ تُبْدُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمَّا هِيَ وَإِنْ تُخْفُوهَا وَتُؤْتُوهَا الْفُقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ  
وَيُكَفِّرُ عَنْكُمْ مِنْ سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ ﴿٢٧١﴾

**Yang bermaksud:** “ *Jika kamu memperlihatkan sedekah kamu (secara terang-terangan), maka perbuatan yang demikian itu baik (untuk dijadikan contoh). Namun, jika kamu tidak menunjuk-nunjukkannya (perbuatan kamu bersedekah) dan*



*sedekah itu kamu berikan kepada orang fakir, maka yang demikian itu lebih baik bagi kamu. Dengan berbuat demikian Allah Taala akan menghapuskan sebahagian daripada kesalahan kamu (dosa) dan Allah Taala mengetahui apa-apa yang kamu lakukan.”*

### **Sidang Jumaat yang dire dai Allah Azza Wa Jalla.**

Kesimpulannya, jauhilah segala sifat mazmumah khususnya riya' dan ujub kerana merosakkan pahala amalan. Ambillah langkah untuk menjaga amalan kita dengan melakukannya dengan ikhlas, kerap bermuhasabah, elakkan menunjuk-nunjuk supaya dipuji dan memperbanyakkan berdoa kepada Allah Taala supaya amalan kita diterima. Perbuatan menzahirkan kebaikan tidak termasuk dalam riya' jika dilakukan dengan cara yang benar.

اعوذ بالله من الشيطان الرجيم

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تُبْطِلُوا صَدَقَاتِكُمْ بِالْمَنِّ وَالْأَذَى كَالَّذِي يُنْفِقُ مَالَهُ و  
رِيَاءَ النَّاسِ وَلَا يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَمَثَلُهُ كَمَثَلِ صَفْوَانٍ عَلَيْهِ تُرَابٌ  
فَأَصَابَهُ وَابِلٌ فَتَرَكَهُ وَّصَلْدًا ۗ لَا يَقْدِرُونَ عَلَى شَيْءٍ مِّمَّا كَسَبُوا ۗ وَاللَّهُ لَا  
يَهْدِي الْقَوْمَ الْكَافِرِينَ ﴿٢٦٤﴾



بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.